

PANDUAN TUNTUTAN UNTUK PELAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

Untuk **kemasukan hospital tanpa tunai**, sila berikan maklumat berikut untuk pengeluaran Surat Jaminan (GL) oleh pembekal perkhidmatan:-

1. No. Kad Pengenalan; dan
2. No. Sijil Takaful.

Sila tunjukkan kad perubatan atau e-perubatan anda ke kaunter kemasukan hospital jika permintaan GL secara langsung dari hospital panel Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (STMAB). (*Sila klik [di sini](#) untuk melihat senarai hospital panel*).

Untuk **pembayaran tuntutan balik perubatan**, sila rujuk kepada panduan langkah demi langkah berikut untuk mengemukakan tuntutan anda.

LANGKAH 1: KUMPULKAN DOKUMEN BERIKUT

Dokumen yang diperlukan untuk Hospitalisasi atau Rawatan Harian atau Tuntutan Kemalangan:

1. Borang Tuntutan Perubatan yang lengkap diisi (*Sila klik [di sini](#) untuk muat turun borang tuntutan*);
2. Resit asal (deposit dan bayaran akhir);
3. Bil asal dan bil terperinci;
4. Laporan perubatan atau Bahagian II Borang Tuntutan Perubatan;
5. Salinan laporan pemeriksaan (makmal atau pengimejan);
6. Surat rujukan (jika ada);
7. Nota keluar untuk Elaun Tunai Harian di Hospital Kerajaan; dan
8. Salinan laporan polis atau lesen memandu untuk kemalangan jalan raya.

Dokumen yang diperlukan untuk Pra dan Pasca Hospitalisasi:

1. Borang Tuntutan Perubatan yang lengkap diisi (*Sila klik [di sini](#) untuk muat turun borang tuntutan*);
(Bahagian II Borang Tuntutan Perubatan tidak perlu diisi)
2. Resit asal (deposit dan bayaran akhir);
3. Bil asal dan bil terperinci;
4. Salinan laporan pemeriksaan (makmal atau pengimejan);
5. Surat rujukan (jika ada); dan
6. Butiran fisioterapi - tarikh lawatan dan jumlah bagi setiap sesi rawatan atau kad janji temu (bayaran pendahuluan TIDAK diterima).

Untuk bil yang sebahagiannya atau lebihan jumlah yang ingin dituntut daripada Pengendali Takaful atau Insuran pertama, dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

1. Borang Tuntutan Perubatan yang lengkap diisi (*Sila klik [di sini](#) untuk muat turun borang tuntutan*);
2. Salinan Sah Sebenar (CTC) helaian kerja tuntutan atau penyelesaian;
3. Salinan Sah Sebenar (CTC) laporan perubatan kemasukan;
4. Salinan Sah Sebenar (CTC) bil kemasukan dan bil terperinci;
5. Resit asal bagi jumlah lebihan yang dibayar oleh Penuntut; dan
6. Salinan laporan pemeriksaan (makmal atau pengimejan).

*CTC = Certified True Copy

Untuk rawatan luar negara, dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

(Catatan: Terjemahan bahasa asing ke versi Bahasa Inggeris adalah diperlukan)

1. Borang Tuntutan Perubatan yang lengkap diisi (*Sila klik [di sini](#) untuk muat turun borang tuntutan*);
2. Salinan data peribadi pasport penuntut yang menunjukkan tarikh berlepas dari Malaysia dan tarikh ketibaan serta salinan tiket penerbangan atau pas masuk;
3. Resit asal (deposit dan bayaran akhir);
4. Bil asal dan bil terperinci;
5. Laporan perubatan atau Bahagian II Borang Tuntutan Perubatan;
6. Salinan laporan pemeriksaan (makmal atau pengimejan);
7. Surat rujukan (jika ada); dan
8. Salinan laporan polis atau lesen memandu untuk kemalangan jalan raya.

Nota:

Maklumat di atas hanya sebagai panduan. STMAB berhak untuk meminta dokumen dan maklumat lain yang berkaitan apabila perlu.

LANGKAH 2: PENGHANTARAN DOKUMEN

Setelah lengkap, sila serahkan kepada Pusat Khidmat Takaful Malaysia (TMCC) yang berhampiran dengan anda atau kepada Unit Khidmat Pelanggan kami yang terletak di:

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD 201701032316 (1246486-D)

Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

 1300 88 252 385  takaful-malaysia.com.my  csu@takaful-malaysia.com.my

Kami akan memaklumkan kepada anda mengenai status tuntutan anda dalam tempoh 14 hari bekerja.

Terima kasih.